

TR: 4:1:64

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI KETIKA
MENJAWAB SOALAN-SOALAN DI DEWAN RAKYAT
PADA 10 JANUARI, 1964

Tuan Yang di Pertua, bagi menjawab pandangan yang didatangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di atas Development Estimates ini saya suka, pertama sekali, mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong dengan kuatnya di atas Rancangan Lima Tahun Yang Kedua Kerajaan Persekutuan ini dan terutama sekali di atas Rancangan-rancangan Pembangunan Luar Bandar.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah dan juga Sarawak ada menyebutkan yang mereka itu sangat berkehendakkan Rancangan-rancangan Pembangunan Luar Bandar yang telah dijalankan di Persekutuan Tanah Melayu ini dan seperti saya telah tegaskan di Dewan ini bahawa cadangan Kerajaan Pusat ialah hendak menolong Kerajaan-kerajaan di Sabah dan Sarawak supaya dapat menjalankan rancangan kemajuan di kedua-dua negara itu dengan cara yang telah dijalankan di Persekutuan Tanah Melayu dan seperti saya telah terangkan tadi bahawa negeri Sabah dan juga negeri Sarawak telah ada mempunyai rancangan kemajuan mereka itu sendiri. Negeri Sarawak mempunyai Rancangan Lima Tahun yang memakan belanja \$300 juta banyaknya dan begitu juga di negeri Sabah Rancangan Kemajuan bagi tahun 1964 ini telah memakan belanja lebih kurang \$60 juta.

Jadi, rancangan-rancangan ini adalah baharu dijalankan pada tahun ini dan kita belum lagi mengetahui sama ada wang yang diuntukkan itu mencukupi ataupun tidak. Jadi untuk negeri Sarawak \$300 juta itu ialah bagi lima tahun, dan dari setahunke setahun tentulah rancangan-rancangan itu akan disemak seperti yang diperbuat di Tanah Melayu ini dan jika wang itu didapati tidak mencukupi tentulah akan ditimbangan bagi ditambah lagi. Sebab tujuan kita ialah hendak menjalankan rancangan-rancangan kemajuan dengan seberapa daya upaya hendak menjalankan kehendak-kehendak dan hasrat-hasrat rakyat supaya rakyat di kedua-dua negara itu, terutama sekali yang duduk di luar-luar bandar dapat menerima kemudahan-kemudahan yang mereka itu kehendaki seperti yang telah diberi kepada rakyat di Persekutuan Tanah Melayu ini.

Tuan Yang di Pertua, saya suka sekarang ini menjawab pandangan yang didatangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, terutama sekali yang didatangkan oleh Yang Berhormat dari Bacok¹. Yang Berhormat dari

¹ Pn. Zulkiflee. Muhammad.

Bacok mengatakan bahawa mustahaklah rancangan kemajuan itu dinilai daripada kesan-kesan rancangan dan juga kesanggupan pengaliran serta kesanggupan rancangan-rancangan itu mengeluarkan faedah-faedah kepada rakyat. Jadi, saya tidak faham apa yang dikatakan itu. Ahli Yang Berhormat itu mengatakan juga dia tidak faham berkenaan dengan angka-angka, dia berkehendakkan kesan-kesan. Jadi, Tuan Yang di Pertua, kesan-kesan telah ada di kampung-kampung dan di kawasan luar bandar dan dalam buku ini iaitu "Interim Review of Development In Malaya Under The Second Five-Year Plan" telah disebutkan kemajuan-kemajuan yang telah dapat dicapai dalam tiga tahun yang telah lalu berkenaan dengan menambah barang-barang keluaran dan juga menambah pendapatan pada tiap-tiap satu orang dan juga memberi pekerjaan kepada penduduk-penduduk di negara ini serta memberi kemudahan-kemudahan kepada penduduk di serata tempat di negara ini. Jadi ini semualah kesan-kesan yang didapati di seluruh daerah di negara kita ini dalam tiga tahun yang lalu. Tetapi tentulah ada lagi sebahagian daripada rakyat negeri ini yang belum lagi dapat menerima faedah-faedah daripada rancangan-rancangan kemajuan dan Kerajaan Perikatan berazam hendak memberi mereka itu faedah-faedah yang dikehendaki daripada satu masa ke satu masa seperti saya telah selalu sebutkan sehingga hasrat-hasrat dan kehendak-kehendak rakyat itu dapat dilaksanakan dan sehingga rakyat di negara kita ini dapat mempunyai satu taraf hidup yang sesuai dengan keadaan mereka itu sebagai warganegara di negeri yang merdeka. Jadi ini dia cita-cita dan azam Kerajaan Perikatan dan seperti saya sebutkan tadi kita telah sampai kepada pertengahan (half-time) dalam Rancangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua ini dankemajuan-kemajuan kita telah sangat memuaskan hati.

Berkenaan dengan pandangannya terhadap bantuan kepada orang Melayu yang hendak menjalankan perniagaan dikatakan patutlah kerajaan menguntukkan wang \$20 juta sekurangnya kerana menolong orang Melayu hendak menjalankan perniagaan untuk memberi modal kepada mereka itu. Saya suka terangkan di sini semua rancangan itu telah ada ditimbang oleh pihak kerajaan. Berkenaan dengan modal itu tidak begitu menjadi soal, sebab ada banyak badan-badan yang boleh mengeluarkan seperti R.I.D.A., M.I.D.F.L. dan sebagainya dan pihak kerajaan sedia hendak memberi pertolongan akan tetapi yang mustahaknya pada fikiran kerajaan ialah mustahak orang Melayu yang hendak menjalankan perniagaan ditunjukkan cara-cara menjalankan perniagaan supaya perniagaan itu bila dijalankan dapat dijalankan dengan sempurna dan dapat mendatangkan hasil dan tidak merugikan. Jadi ini kerajaan fikir mustahak dijalankan dahulu, sebab jika perniagaan itu tidak dijalankan dengan sempurna, jika orang-orang yang menjalankan perniagaan itu tidak mempunyai pengalaman yang sebenarnya, jika mereka itu diberi pertolongan modal pun perniagaan itu tidak akan berjaya. Jadi, kerajaan suka yang orang Melayu menjalankan perniagaan itu mendapat kejayaan

dengan sepenuh-penuhnya. Jadi dengan sebab itulah semua rancangan itu telah ada dalam timbangan kerajaan, tetapi kerajaan terpaksa menjalankan rancangan menolong orang Melayu dalam lapangan perniagaan itu dengan cara teratur dan sempurna seperti kerajaan jalankan rancangan-rancangan lain dalam pembangunan negara itu supaya tiap-tiap langkah yang kita ambil ke hadapan itu kita akan ambil langkah yang tepat yang akan dapat kehasilan yang memuaskan hati.

Tuan Yang di Pertua, wakil dari Pasir Puteh² adalah mendatangkan tuduhan pada Kerajaan Pusat ini sebab dikatakannya menganak-tirikan negeri Kelantan, terutama sekali negeri-negeri yang tidak diperintah oleh Parti Perikatan. Sahabat saya Yang Berhormat Menteri Keselamatan Dalam Negeri³ telah menjawab tadi menerangkan berkenaan dengan hal perumahan. Jadi berkenaan dengan hal-hal lain, hal rancangan-rancangan pembangunan luar bandar saya suka sebutkan di sini bahawa pada tahun 1961 saya sendiri telah melawat negeri Kelantan dan telah pergi ke tiap-tiap jajahan dan telah berjumpa dengan Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Daerah di tiap-tiap jajahan itu. Dan saya telah terangkan bahawa oleh sebab Kerajaan Pusat menaruh belas kasihan kepada rakyat negeri Kelantan yang tidak dapat menerima rancangan kemajuan daripada Kerajaan P.A.S. di situ, Kerajaan Pusat bersedia hendak memberikan pertolongan jika dikehendaki. Jadi, saya telah membuat rancangan hendak menjalankan rancangan-rancangan kemajuan di negeri Kelantan itu seperti yang diperbuat di negeri-negeri lain, akan tetapi malangnya Kerajaan P.A.S. Negeri Kelantan tidak memberi kerjasama kepada Kerajaan Pusat. Kerajaan P.A.S. Negeri Kelantan berkehendakkan Kerajaan Pusat ini beri sahaja wang kepada negeri Kelantan dan Kerajaan Kelantan boleh buat sebagaimana dia suka menjalankan rancangan-rancangan kemajuannya. Ini saya tidak boleh buat. Ini bukan cara dan peraturan yang diperbuat oleh semua negeri dalam Tanah Melayu ini.

Rancangan-rancangan adalah diatur dahulu dan pihak Kerajaan Pusat menguntukkan wang kepada rancangan-rancangan yang difikirkan menasabah, patut dan mustahak. Jadi, hanyalah Kerajaan Pusat berasa puas hati yang rancangan ini dikehendaki dan mustahak, baharulah wang itu dapat diuntukkan. Satu contoh sahaja berkenaan dengan Rancangan Tanah Air Lanas. Menurut peraturan yang diperbuat oleh F.L.D.A. di serata Tanah Melayu ini, Kerajaan Negeri menguntukkan tanah, rancangan itu dijalankan oleh F.L.D.A. tetapi negeri Kelantan dia tidak setuju dibuat macam itu. Kerajaan Kelantan hendak menjalankan rancangan itu, jadi dengan sebab itu, rancangan telah gagal dan baru-baru ini penduduk di Rancangan Tanah Air Lanas itu dengan keadaan kesukaran, rumah tidak dapat diperbaikijalan-jalan raya tidak dapat dibina,

² En. Mohammad Asri b. Hj. Muda.

³ Y.B. Datok Dr. Ismail bin Datok Abd. Rahman.

dan wang perbelanjaan pun tidak dapat diberi dan sebagainya. Jadi, saya sendiri terpaksa pergi ke sana menengok, melihatkan keadaan itu dan sungguhpun kerajaan Kelantan tidak bersetuju hendak menyerahkan rancangan itu kepada Kerajaan Pusat, kepada F.L.D.A. tetapi dengan sebab kasihan kepada penduduk-penduduk di rancangan itu, saya bersetuju hendak memberikan bantuan. Jadi, sehingga semacam itu kita menunjukkan kerjasama, sebab kita kasihan kepada rakyat negeri Kelantan itu, tetapi pihak Kerajaan P.A.S. negeri Kelantan tidak memberikan kerjasamanya dan dengan sebab itulah tidak hendak dijalankan rancangan-rancangan di negeri Kelantan itu.

Seperti kata rakan saya tadi Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, dalam hal lapangan perumahan seperti ditempat-tempatlain, umpamanya Ipoh Municipality dan juga di Pulau Pinang, sungguhpun municipality itu ditadbirkan oleh parti-parti lain, tetapi oleh sebab parti-parti itu ada memberi kerjasama dengan Kerajaan, maka dapatlah rancangan-rancangan perumahan itu dijalankan. Maka itulah sebabnya di negeri Kelantan rancangan-rancangan tidak dapat dijalankan dan tentulah rakyat negeri Kelantan patutlah tahu siapa yang sebenarnya yang bertanggungjawab di atas hal ini. Sudah empat lima tahun Kerajaan P.A.S. berkuasa di negeri Kelantan, rancangan-rancangan kemajuan tidak dapat dijalankan.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh berkata rancangan-rancangan tanah ada di negeri Kelantan. Saya mendapat tahu tidak ada rancangan-rancangan tanah yang sebenarnya disebut-sebut rancangan tanah yang dijalankan di negeri Kelantan, dan banyak orang-orang Kelantan terpaksa keluar ke negeri-negeri lain, terutama sekali di negeri Pahang di mana mereka berkehendakkan tanah, sebab kata mereka di negeri Kelantan tidak ada rancangan tanah dan begitu juga mereka terpaksa pergi ke negeri Trengganu untuk meminta tanah, sebab negeri Kelantan tidak ada rancangan tanah. Jadi, itulah nasibnya rakyat negeri Kelantan yang di bawah pentadbiran Kerajaan P.A.S.

Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Dungun⁴ di dalam ucapannya yang panjang lebar ada mendatangkan beberapa pandangan tetapi saya tidaklah hendak menjawab ucapan-ucapan itu, sebab saya fikir itu bukannya ucapan yang patut dibuat di Dewan ini. Ucapan ini ucapan politik di luar Dewan, tetapi berkenaan dengan rancangan tanah, katanya tanah tidak ada diberi kepada orang-orang Melayu, tetapi diberi kepada saudagar-saudagar asing. Saya tidak faham bila perkara ini berlaku. Tanah-tanah semenjak Rancangan Pembangunan Luar Bandar dijalankan, tidak ada tanah diberi kepada orang-orang asing, hanya kepada orang yang tidak ada tanah, ataupun yang tidak cukup

⁴ Puan Khadijah Hj. Mohd. Sidek.

tanah untuk mendapatkan mata pencarian mereka. Saya tidak tahu di negeri Kelantan, sebab saya dengar ada tanah diberi kepada saudagar-saudagar tetapi di negeri-negeri yang di bawah pemerintahan Perikatan tidak ada tanah diberi, hanyalah dibuat mengikut peraturan dan rancangan tanah.